

Nikah tanpa kebenaran jejas keturunan, harta

KES kesalahan jenayah syariah iaitu nikah tanpa kebenaran menunjukkan peningkatan.

Masyarakat dilihat masih kurang cakna berkaitan keperluan prosedur pernikahan mengikut hukum syarak dan undang-undang keluarga Islam di setiap negeri.

Namun, rata-ratanya sedia maklum bahawa perkahwinan perlu mengikut hukum syarak bagi memastikan rukun nikah dipenuhi.

Justeru, ia perlu dirujuk kepada pihak berkuasa agama yang lebih arif dalam perkara tersebut bagi memantau keabsahan rukun nikah dari segi ijab qabul, carta wali, status isteri atau suami dan syarat sah saksi.

Hal ini bagi mengelakkan perkahwinan itu menjadi tidak sah yang mana dalam mazhab Syafie pernikahan itu wajib dipisahkan.

Tidak dinafikan, hukum asalnya sah pernikahan jika rukun dipenuhi, namun ia akan menimbulkan kemudaratan jika perkahwinan tidak didaftarkan.

Sekiranya isteri mengandung, perkara itu menyukarkan pendaftaran anak kerana Jabatan Pendaftaran Negara meletakkan prosedur untuk pasangan mengemukakan surat perakuan nikah sebelum sijil kelahiran anak dikeluarkan.

Jika pernikahan itu melibatkan kelahiran anak, pernikahan tersebut tidak sah dan isu seperti ini akan memberi kesan yang tidak baik dalam konteks kekeluargaan, keturunan dan harta.

Menurut undang-undang keluarga Islam, Seksyen 19 Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004, tiada suatu perkahwinan boleh diadakan melainkan kebenaran berkahwin diberi.

Pasangan yang tidak mendapatkan kebenaran bernikah boleh didakwa di bawah Seksyen 40(2) Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004.

Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM1,000 atau penjara tidak lebih enam bulan atau kedua-duanya.

Individu yang mengakadkan atau menjadi saksi upacara pernikahan tersebut juga tidak akan terlepas dan boleh didakwa di bawah Seksyen 40 Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004 tersebut.

Sekiranya mereka didakwa, ia akan timbul kesukaran memandangkan mahkamah tidak menerima alasan tidak tahu kerana kejahilan undang-undang bukanlah alasan untuk tidak dijatuhkan hukuman.

** Nurul Farhanah Mohd Mazalan ialah pelajar Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.*